



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (30)  
Tarikh : 6 November 2020

## KENYATAAN MEDIA

### BELANJAWAN 2021: MENYELURUH, INKLUSIF DAN PEDULI RAKYAT

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Kewangan Tengku Dato' Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz atas pembentangan Belanjawan 2021 yang sangat menyeluruh, inklusif dan peduli rakyat.
2. Bagi pihak KPKT, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana telah memberi peruntukan besar kepada KPKT sebanyak RM5.368 billion berbanding peruntukan belanjawan tahun ini. Dalam situasi ekonomi tidak stabil akibat pandemik COVID- 19, saya bersyukur kerana sistem kewangan negara masih mampu untuk memperuntukkan satu belanjawan yang mengembang untuk kesejahteraan rakyat.
3. Dalam pembentangan Belanjawan 2021 ini, terdapat beberapa berita gembira yang diumumkan Kerajaan Persekutuan, dalam usaha menyediakan perumahan selesa dan berkualiti dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.2 billion meliputi :
  - i. RM500 juta ringgit untuk membina sehingga 14 ribu unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat;
  - ii. RM315 juta ringgit untuk pembinaan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB;
  - iii. RM125 juta bagi penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah serta bantuan membaik pulih rumah usang dan yang mengalami kerosakan akibat bencana alam; dan
  - iv. RM310 juta ringgit bagi Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia.

4. Selain itu, pengecualian duti setem sepenuhnya turut diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian rumah kediaman pertama bernilai sehingga RM500,000 termasuk pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pindah milik kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai turut dilanjutkan selama lima tahun lagi.
5. Terima kasih juga buat kerajaan yang memberi pertimbangan sewajarnya dengan menaikkan kadar elaun RM6 kepada RM8 sejam untuk lebih 1,900 Pegawai Bomba Bantuan bermula 2021.
6. Berteraskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat, saya melihat Belanjawan 2021 yang dibentangkan ini, khususnya untuk KPKT merupakan Belanjawan yang bersifat inklusif, komprehensif serta berpaksikan kebajikan rakyat dan pemulihan ekonomi negara.
7. Saya juga ingin menyeru rakyat bersama kerajaan dalam perjuangan memerangi COVID-19 demi memelihara masa depan negara yang lebih baik untuk semua.
8. Saya berharap belanjawan ini disokong oleh semua Ahli Parlimen sejajar dengan titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

**YB Zuraida Kamaruddin**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

6 November 2020

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*